

HARI MINGGU PASKA KE-6 (C)

Kisah 15:1-2. 22-29; Mazmur 66 (67): 2-3. 5-6. 8. R/ v. 4; Wahyu 21:10-14. 22-23
Yohanes 14:23-29

Tema: **ROH KUDUS AKAN MEMBANTU KITA MEMAHAMI AJARAN YESUS KRISTUS DAN MEMPRAKTIKKANNYA.**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Paska ke-6, Tahun Liturgi C. Minggu depan adalah "Minggu Kenaikan Tuhan", dan Minggu seterusnya adalah "Minggu Pentekosta". Paska adalah perayaan yang paling penting dalam Gereja. Ia lebih penting dari Krismas.

Gereja hanya mulai merayakan Krismas pada abad ke-4, tetapi Paska telah dirayakan dalam masa abad pertama. Bahkan, dalam 3 abad pertama ini tiada perayaan lain selain dari Paska! Paska adalah perayaan yang paling penting, sebab pada hari Paska kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan Pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan seluruh dunia!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Bapa akan mengutus kepada kita Roh Kudus dalam nama Yesus. Dan Roh kudus akan mengajar dan mengingatkan kita segala yang telah diajari kepada kita. Iaitu, Roh Kudus akan membantu kita memahami ajaran-ajaran Yesus dan mempraktikkannya!

Injil juga memberitahu kita bahawa Yesus akan memberi kita damai melalui Roh Kudus. Damai, shalom, penyelamatan! Damai bukan hanya ketiadaan perang, tetapi damai adalah shalom, iaitu, keseluruhan, keadaannya, kepenuhan, keteguhan, tanpa kekurangan, dll., itulah penyelamatan!

Itulah sebabnya mengapa Injil memberitahu kita supaya jangan takut! Tiada yang harus ditakuti, biar pun dosa dan kematian, sebab ada kebangkitan dan kehidupan! Kehidupan yang lebih baik daripada sebelum dosa dan kematian! Pendeknya, ada penyelamatan!

2. Bacaan pertama juga memberitahu kita mengenai Roh Kudus. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Roh Kudus ada bersama Gereja dan di dalam Gereja, dan yang diajar Gereja adalah di dalam dan bersama Roh Kudus!

Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Roh Kudus dan para rasul mengajar bahawa Kristian asing tidak perlu menuruti Hukum Taurat Musa dari kristian Yahudi, khasnya hukum mengenai sunat; tetapi sebagai kompromi mereka harus menuruti hukum makanan, iaitu, jangan makan makanan yang sudah dipersembahkan kepada berhala dan jangan makan daging yang masih berdarah; sebab mereka tinggal bersama orang Kristian Yahudi dan makan bersama mereka dan merayakan Ekaristi bersama mereka! Mereka juga harus menjauhkan diri dari melakukan percabulan. Tetapi bagi kita Kristian hari ini hukum makanan melambangkan dosa besar penyembahan berhala dan membunuh.

Lebih penting, Roh Kudus bukan sahaja membantu kita melakukan yang baik, tetapi Roh Kudus juga membantu kita menjauhi kejahatan dan mengatasi dosa!

3. Mazmur antarbacaan adalah permohonan kepada Allah untuk memberkati Israel dengan kebaikan dan tuaian yang banyak, supaya seluruh bangsa-bangsa di dunia akan melihat berkat Allah kepada Israel dan akan menyembah Allah Israel! Justru itu sahatannya:

“Hendaknya segala bangsa memuji Engkau, hendaknya memuji Engkau segala bangsa.” (Mzm 66 (67): 4)

Tetapi dalam konteks liturgi dan bacaan hari ini, kita memohon kepada Allah untuk memberkati kita dengan Roh Kudus dan dengan penyelamatan, supaya seluruh bangsa-bangsa dapat melihat berkat Roh Kudus dan penyelamatan dan menyembah Allah kita! Justru itu sahatan kita:

“Hendaknya segala bangsa memuji Engkau, hendaknya memuji Engkau segala bangsa.” (Mzm 66 (67): 4)

4. Bacaan kedua memberitahu kita mengenai Yerusalem Baru, iaitu, Gereja. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa Yerusalem Baru akan datang dari syurga dan Allah Bapa dan Allah Putera akan tinggal di dalamnya melalui Allah Roh Kudus. Dan kita tidak perlu Bait sudah, atau matahari dan bulan untuk menerangi siang dan malam, sebab sinaran kemuliaan Allah Bapa dan Allah Putera dan Roh Kudus akan menyalakan Gereja dan dunia!

Itulah sebabnya hari ini di dalam Gereja kita mempunyai Liturgi, Sakramen-sakramen, dan Sakramen segala sakramen, iaitu, Ekaristi/Misa Kudus! Setiap Ekaristi/Misa Kudus Hari Minggu adalah perayaan Paska dan Pentekosta! Sri Paus Emeritus Benedict XVI memberitahu kepada belia di satu dari pada Hari Belia Sedunia bahawa Ekaristi/Misa Kudus Hari Minggu adalah Pentekosta yang berterusan tiada hentinya! Dalam Ekaristi/Misa Kudus Hari Minggu, kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan dunia! Itulah sebabnya mengapa ianya adalah paling segera dan paling penting untuk datang Misa Kudus setiap Hari Minggu!

5. Hari ini kita bersyukur kepada Allah Bapa kerana Paska, iaitu, kerana kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan pencurahan Roh Kudus untuk penyelamatan dunia; dan kita mohon kepada Allah untuk terus memberi kita Roh Kudus, supaya kita boleh memahami ajaran-ajaran Yesus dan mempraktikkannya; dan supaya kita dapatewartakan kabar gembira kebangkitan, supaya semua yang mendengar dan percaya dan diselamatkan; dan supaya kita dapat membina komuniti Kristian cinta kasih dan bersatu, supaya semua dapat melihat dan percaya dan diselamatkan; dan supaya Gereja kita akan menjadi satu komuni komuniti cinta kasih dan kesatuan, dan satu tanda dan sakramen penyelamatan untuk seluruh dunia! Sukacita Musim Paska kepada kamu semua!

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:

1. Pesta yang manakah yang lebih penting dalam Gereja kita? Apakah kita harus adakan Rumah Terbuka Paska? Haruskah kita ada Kad Paska? Haruskah kita adakan Karoling Paska?
2. Apakah yang kita rayakan pada Misa Kudus Hari Minggu? Mengapa ianya lebih penting untuk datang menghadiri Misa Kudus setiap hari minggu? Mengapa ianya adalah "Dosa Maut" jika tidak datang Misa Kudus pada hari Minggu? Adakah kamu datang ke Misa Kudus setiap hari minggu?
3. Percayakah kamu bahawa Allah Bapa, Allah Putera dan Allah Roh Kudus tinggal di dalam Gereja kita? Percayakah kamu dalam Liturgi, Sakramen-sakramen, dan Sakramen segala sakramen, iaitu, Ekaristi/Misa kudus hari minggu?
4. Percayakah kamu bahawa Pengajaran Gereja kita, iaitu, Sri Paus dan para Uskup, waris pengganti Petrus dan para rasul, dibimbing oleh Roh Kudus?
5. Bolehkah kita memahami ajaran-ajaran Yesus dan mempraktikkannya tanpa bantuan Roh Kudus?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,